



PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19

COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)

GARIS PANDUAN PENGURUSAN KOLABORASI KORPORAT SERTA SUMBANGAN BAGI PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) bagi pengurusan kolaborasi korporat serta sumbangan bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).
- 1.2 Garis panduan ini juga disediakan sebagai panduan kepada Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan bahagian-bahagian di bawah pentadbiran CITF bagi pengurusan kolaborasi korporat serta sumbangan bagi PICK.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 CITF merupakan Jawatankuasa Penyelaras bagi PICK yang ditubuhkan untuk menyelaras kesemua PPV seluruh Malaysia.
- 2.2 Sebagai sebahagian daripada pendekatan "Seluruh Masyarakat" atau *Whole-of-Society* dalam memastikan PICK mencapai matlamat dan objektifnya, CITF telah bersetuju untuk berkolaborasi dengan individu, pertubuhan bukan kerajaan/*Non-Governmental Organisation* (NGO) serta organisasi korporat dalam memastikan kejayaan pelaksanaan agenda nasional ini.
- 2.3 Kolaborasi korporat ini merangkumi sokongan serta kerjasama daripada organisasi korporat dalam bentuk sumbangan khidmat masyarakat/*Corporate Social Responsibility* (CSR) dan tidak bersifat kewangan.

2.4 Pihak organisasi korporat / NGO / individu yang ingin memberikan tajaan atau sumbangan akan dirujuk sebagai **Pihak Penaja** bagi PICK.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Memastikan penyaluran sumbangan dan kerjasama korporat kepada PPV mematuhi garis panduan yang disediakan; dan

3.2 Memastikan sumbangan dan kerjasama korporat PPV mengikut skop kerja dan tatacara yang telah ditetapkan.

3.3 Memastikan sumbangan dan kerjasama korporat PPV yang lebih menyeluruh, serta melibatkan kesemua PPV di bawah kelolaan CITF yang beroperasi seluruh Malaysia.

4.0 GARIS PANDUAN PENGURUSAN

4.1 Penggunaan slogan dan logo PICK

Slogan dan logo “Lindung Diri, Lindung Semua” dibenarkan untuk digunakan oleh Pihak Penaja sekiranya penggunaan tersebut adalah suatu rujukan umum dan tidak memberi gambaran sokongan CITF terhadap produk atau perkhidmatan komersial oleh Pihak Penaja, memberikan persepsi yang salah atau menimbulkan kekeliruan di kalangan orang awam mengenai hubung kait CITF dengan mana-mana pihak atau entiti. Penggunaan hanya dibenarkan seperti mana penggunaan slogan kempen kerajaan yang lain-lain dan sebagaimana yang dijelaskan dalam garis panduan ini.

4.2 Penggunaan lambang rasmi

Penggunaan nama, warna korporat, cap dagangan (sama ada berdaftar atau tidak) logo dan/atau lambang rasmi CITF dalam penerbitan, penyiaran, apa-apa dokumen dan/atau kertas adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis.

- 4.3 Segala bentuk kerjasama dan tajaan korporat oleh Pihak Penaja dalam semua program yang dilaksanakan hendaklah diselaraskan dengan tujuan dan objektif PICK.
- 4.4 Segala produk dan perkhidmatan yang disumbangkan oleh Pihak Penaja hendaklah bersesuaian dan selaras dengan objektif keseluruhan dan nilai PICK.
- 4.5 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Perenggan 4 ini, setiap permohonan bagi kerjasama korporat ataupun sumbangan adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak CITF. CITF berhak untuk menolak sebarang tawaran penajaan yang tidak selaras dengan objektif dan berpotensi mencemarkan imej dan reputasi PICK.
- 4.6 CITF berhak untuk menolak ataupun tidak mempertimbangkan kolaborasi dan tajaan dengan Pihak Penaja dari industri yang dianggap bertentangan dengan dasar kesihatan nasional seperti dari syarikat tembakau, minuman beralkohol, ubat-ubatan alternatif tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan seumpamanya.

5.0 GARIS PANDUAN SUMBANGAN DI PUSAT VAKSINASI KEBANGSAAN

- 5.1 Sumbangan bernilai kurang daripada RM10,000.00

CITF menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab serta peranan dalam mendapatkan, meluluskan, menilai, mempersetujui dan menguruskan permohonan tajaan dari mana-mana Pihak Penaja bagi sumbangan **bernilai kurang daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu)** sahaja kepada pihak pengurusan PPV dan Pengendali Khidmat Kesihatan / Health Care Organiser (HCO).

- 5.2 Sumbangan bernilai lebih daripada RM10,000.00

Bagi segala bentuk kerjasama, tajaan ataupun sumbangan yang bernilai **melebihi daripada RM10,000.00**, kelulusan penajaan hendaklah dipohon dan diperolehi daripada CITF terlebih dahulu.

- 5.3 HCO di bawah ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

- 5.3.1 HCO dibenarkan untuk mendapatkan, menilai dan mempersetujui potensi tajaan yang mereka sendiri di PPV mengikut garis panduan tajaan yang disediakan.
- 5.3.2 Pihak pengurusan PPV diberi kuasa untuk mempersetujui dan menyelaraskan sebarang potensi penajaan korporat/sumbangan dan berunding mengenai syarat dengan Pihak Penaja dalam lingkungan garis panduan yang dibenarkan oleh CITF ini. **Penerimaan sumbangan / tajaan haruslah diluluskan secara bertulis melalui satu borang khas oleh pihak pengurusan PPV untuk rujukan dan semakan lanjut. Satu (1) salinan borang khas tersebut perlu dikemukakan kepada CITF.**
- 5.3.3 Lingkungan garis panduan yang diluluskan berkenaan dengan Pihak Penaja/HCO/PPV adalah seperti berikut:
- a) Pihak pengurusan PPV akan mengurus dan memberi nasihat kepada Pihak Penaja mengenai pengaturan seperti hal-hal logistik, pengedaran barang-barang tajaan, peruntukan ruang dan penyimpanan;
 - b) Tidak dibenarkan mengadakan sebarang aktiviti promosi produk ataupun jenama termasuk panji-panji atau *bunting* dan kiosk jualan di dalam kawasan pengurusan vaksinasi;
 - c) Tidak dibenarkan mengadakan sebarang aktiviti demonstrasi produk dan jenama;
 - d) Tidak dibenarkan mengadakan sebarang tayangan promosi produk ataupun jenama di dalam kawasan pengurusan vaksinasi;
 - e) Pihak Penaja tidak dibenarkan untuk terlibat dalam penjenamaan di bilik foto/dinding foto di PPV. Hanya HCO dan pihak pengurusan PPV yang diberi persetujuan CITF untuk memberikan penjenamaan mereka di bilik foto / dinding foto.

- f) Pihak pengurusan PPV dan Pihak Penaja haruslah memastikan bahawa pegawai, ejen, vendor atau wakilnya mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang ditetapkan pada setiap masa sepanjang berada di PPV. Sukarelawan Pihak Penaja tidak digalakkan untuk terlibat sama dalam pengedaran barang tajaan di PPV;
- g) Pengurusan kawalan orang ramai atau *crowd control* di PPV selaras dengan SOP COVID-19 adalah tanggungjawab pihak pengurusan PPV dan Pihak Penaja sepenuhnya;
- h) Pihak Penaja yang berminat untuk merakam kandungan Pesanan Khidmat Masyarakat/ Public Service Announcement (PSA) atau bagi tujuan hebahan di media sosial di PPV, perlulah menghantar permohonan rasmi kepada Ketua, Unit Komunikasi CITF (Unit 5), dengan menyatakan kandungan, ruang lingkup dan tujuan rakaman. Permohonan haruslah dihantar selewat-lewatnya lima (5) hari sebelum tarikh rakaman;
- i) Rakaman foto semasa penyerahan atau pengedaran barang tajaan di PPV adalah dibenarkan namun ia harus dirujuk kepada pihak CITF terlebih dahulu sebelum dapat dikeluarkan sebagai bahan komunikasi Pihak Penaja;
- j) CITF tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, perbelanjaan, kos stok atau barang tajaan semasa pengaturan;
- k) Pihak Penaja adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan semua barang tajaan terutamanya makanan atau minuman adalah berstatus halal dan dijamin keselamatan dan kebersihan.
- l) Barang makanan basah seperti buah-buahan dan bahan mudah rosak adalah tidak digalakkan.

- m) Bahan bacaan seperti majalah, surat khabar dan lain-lain yang melibatkan perkongsian pakai adalah tidak dibenarkan.
- n) Semua bentuk tajaan, kerjasama dan sumbangan haruslah tidak tertakluk kepada sebarang tuntutan balas. Ini termasuklah dari segi tuntutan potongan cukai.
- o) Semua bentuk tajaan, kerjasama dan sumbangan haruslah tidak terikat dan bebas dari pada mana-mana bentuk pengaruh politik.

5.3.4 Kaedah Penyaluran

Semua bentuk tajaan, kerjasama dan sumbangan haruslah disalurkan terus kepada pihak pengurusan PPV yang terlibat. Proses pengagihan barang-barang tajaan adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan PPV.

- 5.4 Pengagihan barang penajaan haruslah diutamakan kepada petugas kesihatan, petugas bukan kesihatan, petugas barisan hadapan dan sukarelawan sebelum sebarang agihan kepada orang awam dilakukan.
- 5.5 CITF tidak akan mengumumkan perihal kolaborasi korporat dan menandatangani apa-apa instrumen kolaborasi dengan mana-mana pihak ketiga yang mewakili Pihak Penaja. Pengumuman rasmi mengenai kolaborasi korporat hanya akan melibatkan CITF dengan Pihak Penaja sahaja.
- 5.6 CITF mempunyai budi bicara mutlak terhadap semua PICK. Ini adalah agar integriti CITF tidak terjejas oleh sebarang aktiviti penajaan.
- 5.7 Slogan dan logo PICK yang digunakan di PPV **TIDAK** boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak dan adalah hak milik mutlak pihak CITF.

6.0 JENIS TAJAAN DAN KERJASAMA

- 6.1 CITF menggalakkan Pihak Penaja untuk memberikan sumbangan barangan bersifat pakai buang dan lupus untuk petugas barisan depan dan pekerja lapangan.

- 6.2 Bagi sumbangan barangan berbentuk aset seperti perkakas elektrik / elektronik, kerusi roda dan lain-lain, CITF menggalakkan agar barangan disumbangkan berdasarkan **pinjaman percuma** dan akan dikembalikan kepada Pihak Penaja pada akhir program.
- 6.3 Walau apa pun yang dinyatakan di dalam Perenggan 6 ini, CITF dan pihak pengurusan PPV tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk apa-apa tuntutan, kehilangan, kerosakan, kerugian, perbelanjaan, kos stok atau barang tajaan serta pampasan kepada sesiapa yang mewakili Pihak Penaja melainkan kerosakan, kecederaan atau kerugian itu berakibat dari mana-mana tindakan atau keingkaran berunsur khianat dari pihak CITF, ejen, pekhidmat atau pekerjanya yang mana CITF akan ditafsirkan bertanggung dari segi undang-undang. Pihak Penaja juga perlu menanggung kos penghantaran barangan tajaan ke PPV dan kos pengembalian barangan tajaan, sumbangan atau kos-kos lain yang berkaitan sekiranya ada.
- 6.4 Segala sumbangan haruslah disertakan dengan lampiran-lampiran berikut:
- a) *Letter of Intent* (LOI) yang menyatakan jangka masa pinjaman aset dan tempoh mengembalikan barang kepada Pihak Penaja;
 - b) *Delivery Order* (DO) sebagai bukti / penerimaan penerima termasuk resit pengembalian yang ditandatangani oleh pihak pengurusan PPV; dan
 - c) Apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang memerlukan pengesahan pihak CITF.

7.0 GARIS PANDUAN JENAMA PICK

- 7.1 “Lindung Diri, Lindung Semua” adalah logo dan slogan korporat rasmi untuk inisiatif PICK.
- 7.2 CITF berhak untuk menentukan bentuk program dan kedudukan logo dan slogan bagi kandungan bahan promosi (termasuk kandungan digital) yang dibekalkan kepada Pihak Penaja untuk mempromosikan inisiatif PICK.

- 7.3 CITF mempunyai hak milik eksklusif terhadap penjenamaan/logo dan penggunaan imej PICK.
- 7.4 Logo dan slogan “Lindung Diri, Lindung Semua” bagi PICK adalah tersedia untuk dimuat turun dalam pelbagai format di laman web rasmi JKJAV untuk digunakan oleh orang ramai, termasuk Pihak Penaja.

8.0 BAHAN TERBITAN DAN HEBAHAN MEDIA

- 8.1 Pihak Penaja dalam kerjasama korporat ini harus mendapatkan persetujuan Unit Komunikasi, CITF berkenaan penerbitan apa-apa bentuk penulisan atau visual kreatif yang telah dibuat berkaitan inisiatif PICK.
- 8.2 CITF mempunyai hak milik mutlak terhadap editorial dan segala bentuk komunikasi yang berkaitan dengan kolaborasi korporat ini termasuklah pernyataan akhbar, siaran akhbar, sidang media dan liputan media (jika perlu) yang ingin diterbitkan oleh Pihak Penaja.
- 8.3 Bahan komunikasi seperti siaran akhbar, pengumuman / penyiaran media sosial hendaklah dihantar kepada Unit Komunikasi, CITF untuk disemak dan diluluskan sebelum disiarkan oleh Pihak Penaja.

9.0 PENGIKTIRAFAN

- 9.1 Sijil pengiktirafan akan dikeluarkan oleh CITF kepada Pihak Penaja yang telah mengambil bahagian dalam PICK, sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan pihak-pihak dalam program dan inisiatif Kerajaan.
- 9.2 Pihak Penaja diminta melengkapkan butiran seperti di **Lampiran 1** dan permohonan hendaklah dihantar kepada pihak CITF melalui alamat e-mel berikut: citf@mosti.gov.my dan corporate@vaksincovid.gov.my pada tempoh yang dipersetujui.

10.0 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

10.1 Semua bentuk kerjasama korporat, sumbangan dan tajaan adalah di bawah kelolaan dan pemantauan oleh Unit 5, (Korporat), CITF.

11.0 TINDAKAN

11.1 CITF berhak membatalkan penajaan dan sumbangan serta merta dan mengeluarkan semua barangan tajaan dalam tempoh **dua puluh empat (24)** jam jika Pihak Penaja melanggar garis panduan ini.

11.2 Pihak Penaja akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala termasuk kos penghantaran barangan tajaan ke PPV dan kos pengembalian barangan tajaan, sumbangan atau kos-kos lain yang berkaitan sekiranya ada.

11.3 CITF berhak untuk menarik balik penajaan dan sumbangan bila-bila masa sahaja tanpa perlu memaklumkan Pihak Penaja jika sekiranya berlaku pelanggaran garis panduan oleh Pihak Penaja.

-Garis Panduan Tamat-

LAMPIRAN 1**PENYERTAAN PENAJAAN DAN SUMBANGAN DI PUSAT VAKSINASI (PPV) DI BAWAH PROGRAM IMUNISASI COVID-19 NEGARA (PICK)**
SPONSORSHIP PARTICIPATION AT VACCINATION CENTRES (PPV) UNDER THE NATIONAL COVID-19 IMMUNISATION PROGRAM (PICK)

No	Company/Organisation Registered Name	Sponsored Items	No./Pax	Approx. Sponsorship Value (MYR)	Duration/Date	PPV

- a) Semua bentuk penajaan dan sumbangan adalah **tertakluk kepada garis panduan** yang telah ditetapkan oleh pihak CITF.
- b) Pihak CITF dan PPV **tidak akan bertanggungjawab** terhadap apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, perbelanjaan, kos stok atau barang tajaan semasa pengaturan.
- c) Pihak CITF **berhak memindahkan atau memadam semua jenis data digital** pada semua alat pengkomputeran yang diguna pinjam.
- d) CITF **berhak membatalkan** penajaan dan sumbangan serta merta dan semua barang perlu dikembalikan dalam tempoh 24 jam jika melanggar garis panduan ditetapkan
- e) CITF **berhak menarik balik penajaan** apa-apa jua benda pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu memaklumkan Pihak Penaja.

Confirmed by,

.....

Name:
Position:
Company/Organisation:
Date:**Confirmed by,**

.....

Name:
Position:
Company/Organisation:
Date:

CARTA ALIR PENAJAAN DI PPV DI MALAYSIA

- 1. Pihak Penaja menawarkan tajaan barang melalui surat kepada pihak pengurusan PPV;**
- 2. Pihak pengurusan PPV akan menilai dan menetapkan jumlah aset tersebut sesuai atau tidak dengan syarat PPV;**
- 3. Pihak pengurusan PPV setuju melalui borang khas dan tetapkan syarat. Jika nilai melebihi RM 10,000 maka ia perlu melalui CITF dahulu. Jika setuju salinan borang dan surat Pihak Penaja perlu dikemukakan kepada CITF dan juga MOSTI;**
- 4. Pihak Penaja menghantar barang tajaan mengikut tarikh ditetapkan. Pihak Penaja dilarang datang ke PPV kecuali dengan izin;**
- 5. PPV menggunakan barang tajaan dengan syarat ditetapkan lokasi dan pegawai penerimanya. Kawalan perlu dijalankan dengan borang disediakan. Kesemua maklumat perlu ada dalam satu fail khas penajaan;**
- 6. Pihak pengurusan PPV memulangkan barang tajaan (pinjaman aset) bila tarikh akhir ditetapkan;**
- 7. Kesemua barang tajaan perlu diambil dengan segera.**